

02/10/2003

Syor prosedur kenaikan pangkat hakim diumumkan

KUALA LUMPUR: Majlis Peguam Malaysia (MPM) akan mencadangkan supaya proses menentukan kenaikan pangkat hakim dilakukan secara lebih telus dan disokong dengan alasan kukuh bagi membuktikan kelayakan setiap calon.

Cadangan berkenaan terkandung dalam resolusi yang akan dibincangkan di mesyuarat agung luar biasa majlis itu Sabtu ini.

Pengerusi MPM, Kuthubul Zaman Bukahri, berkata satu memorandum memuatkan resolusi berkenaan akan dikemukakan kepada Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, untuk dipertimbang dan diambil tindakan susulan sewajarnya.

"Kita dapati ramai hakim yang berpengalaman dan sudah lama berkhidmat diketepikan dalam proses kenaikan pangkat tanpa diberi sebarang sebab dan MPM berpendapat tindakan ini perlu mempunyai alasan yang munasabah kerana membabitkan kewibawaan badan kehakiman.

"MPM tidak mempertikaikan pelantikan atau kenaikan pangkat mana-mana hakim tetapi sebaliknya hanya mahu penjelasan kenapa ada hakim yang berpengalaman serta sudah lama berkhidmat seolah-olah disisihkan.

"Justeru, MPM mahu mencadangkan supaya semua prosedur serta syarat pemilihan dan kelayakan seseorang hakim yang dinaikkan pangkat itu didedahkan kepada umum kerana tugas badan kehakiman membabitkan kepentingan awam," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Beliau juga memaklumkan bahawa perkara itu sudah dibincangkan dengan Ahmad Fairuz yang memberi jaminan akan mengemukakan permintaan MPM kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berdasarkan prosedur sedia ada, kenaikan pangkat atau pelantikan hakim akan dicadangkan Ketua Hakim Negara kepada Perdana Menteri yang kemudiannya akan memohon perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk mengiktiraf keputusan itu.

Bagaimanapun, tidak ada syarat khusus bagi menentukan pelantikan atau kenaikan pangkat itu, sebaliknya semua terpulang kepada budi bicara Ketua Hakim Negara dan keputusan Perdana Menteri.

Kenaikan pangkat hakim menjadi isu berikutan lima hakim paling lama berkhidmat di Mahkamah Rayuan tidak dipertimbangkan dalam pengumuman kenaikan pangkat lapan hakim 25 Julai lalu.

Kuthubul berkata pelantikan menyaksikan ramai hakim yang sudah lama dalam perkhidmatan diketepikan itu menimbulkan keraguan di kalangan pengamal undang-undang selain mewujudkan kesangsian masyarakat terhadap kewibawaan serta kesaksamaan badan kehakiman itu sendiri.

Menyedari hakikat itu, kata beliau, MPM sudah menghantar satu memorandum mengandungi beberapa cadangan bagi pelantikan hakim kepada Ahmad Fairuz dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim tidak lama dulu tetapi belum menerima sebarang maklum balas.

Antara lain, katanya, memorandum yang akan dirangka Sabtu ini akan merangkumi ketelusan proses pemilihan dan dilakukan dengan mengambil kira pandangan MPM manakala kelayakan serta kewibawaan hakim berkenaan perlu diumumkan sebagai pengesahan keputusan.

Kuthubul berkata kebanyakan negara lain seperti United Kingdom sudah merombak sistem pelantikan hakim dengan menubuhkan satu jawatankuasa pemilihan khas membabitkan masing-masing lima hakim, peguam serta anggota masyarakat dan tidak lagi tertakluk kepada budi bicara Lord Chancellor (jawatan mirip kepada Ketua Hakim Negara di sini).